



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

LAPORAN AUDIT KUALITI DALAMAN

Organisasi	Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands	Muka surat	1/6
		Bil. Audit	1/2024
Lokasi Audit	Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands	Skop	Prosedur Kualiti IAB MS ISO 9001:2015
Audit	Urus Setia SPK	Jawatan	Ketua Jabatan Jabatan Kepimpinan Kualiti dan Inovasi
Kriteria Audit	Audit Proses MS ISO 9001:2015		
Audit Objektif	Memastikan keseluruhan prosedur Sistem Pengurusan Kualiti dipatuhi bagi tujuan penambahbaikan berterusan.		
Ketua Pasukan	Dr. Noor Haslinda binti Harun	Juruaudit	Rujuk lampiran juruaudit
Tarikh Audit	15 April hingga 2 Mei 2024		
Bil. orang/hari	43/14 hari	Tahap Kerumitan	Baik
Bil. Ketakuran	Tiada	Bil Peluang untuk Penambahbaikan	Dua

1.0 MAKLUMAT ORGANISASI DAN AUDIT

- 1.1 Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands merangkumi 16 Jabatan dan 4 seksyen.
- 1.2 Bilangan pensyarah seramai 93 dan 51 orang Anggota Kumpulan Pelaksana
- 1.3 Audit Dalaman telah dilaksanakan dari 15 April hingga 02 Mei 2024 dan melibatkan 25 orang juruaudit.
- 1.4 Pasukan Audit Silang IAB Cawangan Sarawak telah melaksanakan audit silang di IAB Cawangan Genting Highlands.

2.0 RUMUSAN AUDIT

2.1 Pengurusan sistem telah mengambil kira dan mengintegrasikan keperluan pelanggan, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa dan semua pihak berkepentingan yang relevan serta keperluan standard.

2.2 Tahap pematuhan serta pencapaian pengurusan sistem berada pada tahap yang memuaskan dan pihak audit telah menemui dua (2) Pemerhatian Untuk Penambahbaikan (OFI) dalam proses tersebut.

- a) Berdasarkan PKOP 05, didapati klausa 7.1.3 Prasarana iaitu organisasi hendaklah menentukan menyediakan dan menyelenggarakan prasarana yang diperlukan untuk operasi prosesnya dan untuk mencapai keakuratan produk dan perkhidmatan (b & d) telah tidak dipatuhi.

Bukti penemuan:

Ditemui di UTEK IABCGH. Didapati pihak audit tidak mengemaskini Borang Kualiti 13 b (Borang semakan kemudahan alatan elektronik/ ICT Kursus)serta tidak membuat penyelenggaraan mengikut tempahan Borang Kualiti 99

- b) Prosedur PKOP 12, didapati klausa 4.4.1 Organisasi hendaklah menentukan proses yang diperlukan untuk Sistem Pengurusan Kualiti dan pemakaianya dalam seluruh organisasi, dan hendaklah:
 - h) menambah baik proses dan sistem pengurusan kualiti.

Bukti penemuan:


Ditemui di bawah proses kerja Jabatan JPPPEP. Penekanan skop bidang tugas Pengurus/Pengurus Bersama semasa berlakunya Validasi 1 perlu ditambah baik. Terdapat kelas yang pengurus bersama lewat masuk untuk membuat kawalan.

3.0 CADANGAN AUDIT (dapatkan daripada bk 18 setiap grup)

Cadangan audit berdasarkan dapatan juruaudit:

- a) Dicadangkan jabatan-jabatan mengamalkan pengurusan fail yang lebih sistematik, mudah diurus dan dicapai

- b) Dicadangkan pengisian BK 123 dan BK 124 ditambahbaik dan Ketua Jabatan melantik PIC bagi Pengurusan risiko jabatan, seksyen, unit masing-masing. JKKI diminta untuk melaksanakan PLC Pengurusan Risiko IABCGH secara berterusan.
- c) Dicadangkan semua jabatan dan seksyen merujuk dan menyemak Prosedur Kualiti dalam melaksanakan fungsi jabatan dan seksyen.
- d) Jadual pelaksanaan kursus masih tidak lagi mengikuti prosedur yang betul. Tiada tandatangan dan Tarikh Ketua Jabatan dan Pengurus Kursus.

Ketua Juruaudit	Nama/Tandatangan  DR. NOOR HASLINA BINTI HARUN	Tarikh	3 MEI 2024
Wakil Audit	Nama/Tandatangan  NORAZMIR BIN AHMAD Pengarah Cawangan Institut Aminuddin Baki Kampus Cawangan Genting Highlands Kementerian Pendidikan Malaysia	Tarikh	3.5.2024

4.0 PENEMUAN AUDIT UTAMA

4.1 Komitmen Pengurusan Atasan / Konteks

Di bawah klausa 5.1.1 (g) pengurusan atasan hendaklah memastikan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) mencapai hasil yang dimaksudkan dan (i) menggalakkan penambahbaikan. Secara keseluruhan, pihak pengurusan memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan proses pelaksanaan SPK di IABCGH. Usaha-usaha pematuhan SPK dapat dibuktikan dalam minit mesyuarat pengurusan, perhimpunan dan lain-lain.

Pihak pengurusan perlu mengadakan latihan/kursus/bengkel secara berterusan untuk memastikan semua Ketua Jabatan/Ketua Seksyen dan warga IAB (pensyarah dan AKP) memahami proses pelaksanaan SPK.

4.2 Kajian Semula Pengurusan

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang dilaksanakan di IAB Bandar Enstek, Nilai untuk memastikan tindakan penambahbaikan diambil

4.3 Pelaksanaan Dasar dan Objektif Kualiti dan Perancangan

Maklumat Dasar Kualiti dipapar di lokasi strategik IAB Cawangan Genting Highlands. Dasar tersebut juga sering dimaklumkan dalam mesyuarat pengurusan serta dipanjangkan ke mesyuarat diperingkat jabatan

4.5 Kawalan terhadap Aktiviti Kritikal

Bagi kursus dalaman dan kehadiran kursus-kursus luar pihak pengurus kursus telah menguruskan dokumentasi mengenai pelaksanaan kursus dengan baik.

Kawalan terhadap aktiviti-aktiviti cerun dan penambahbaikan bangunan IABCGH dipantau oleh pihak pengurusan secara sistematik

4.6 Aduan Pelanggan, Maklum balas dan Komunikasi

Pihak organisasi memastikan semua pensyarah dan AKP mengambil maklum tentang sebarang perubahan maklumat dalam portal Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).

4.7 Keutamaan terhadap Pelanggan

Pihak pengurusan juga telah meningkatkan pemantauan terhadap aduan pelanggan menggunakan saluran yang lebih berkesan serta mengambil tindakan segera bagi setiap aduan.

4.8 Pengukuran, Analisis dan Pemantauan Data

Pihak pentadbiran telah melaksanakan pengukuran, analisis dan pemantauan data secara sukuan bagi setiap tahun untuk pelanggan luaran dan dalaman.

4.9 Tindakan Pembetulan/ Pengurusan Risiko

Pelan Pengurusan Risiko IABCGH membantu warga IABCGH untuk mengenal pasti, menganalisis serta mencegah risiko-risiko yang mungkin dihadapi oleh jabatan, seksyen dan unit masing-masing serta peluang dalam memastikan hasil yang dinyatakan dalam SPK.

Pelan risiko telah dirangka di peringkat IABCGH dan disebar luas kepada warga IABCGH

4.10 Pematuhan terhadap Keperluan Peraturan dan Arahan Kerajaan

Pihak IABCGH telah melaksanakan tindakan berdasarkan peraturan dan pekeliling yang sedia ada. Setiap warga IABCGH sentiasa diingatkan untuk merujuk pekeliling terkini serta arahan-arahan kerajaan yang lain

4.11. Penambahbaikan Berterusan

Penambahbaikan berterusan telah ditingkatkan dengan adanya pengukuran, analisis dan pemantauan data yang lengkap dan sahih. Semua jabatan dan seksyen sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan melalui analisis laporan yang telah dibuat setiap tahun

4.12. Kawalan Dokumen dan Data/Kematangan Sistem

Kawalan Dokumen dilaksanakan dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Kematangan sistem bagi IABCGH adalah pada tahap yang baik.

4.13. Pengurusan Sumber / Pengetahuan Organisasi / Kekompetenan

Kekompetenan sentiasa dititik beratkan, pensyarah dan staf pelaksana sentiasa diberikan latihan yang mencukupi bagi memenuhi 42 jam latihan. Pemerhatian audit mendapati persekitaran untuk operasi diselenggara dengan baik. (kerusi banquet adalah tidak sesuai)

4.14 Aktiviti Perolehan dan *outsourced*

Proses perolehan di IABCGH dilaksanakan dengan baik dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan

4.15 Reka bentuk dan Pembangunan

Proses reka bentuk dan pembangunan modul baharu diteruskan seperti sedia kala. Reka bentuk modul baharu IABCGH berjalan lancar dan telah memasuki fasa rintis. Pembangunan bagi Pensyarah dan AKP telah ditakwimkan dan akan dilaksanakan seperti yang telah dirancangkan.

4.16 Audit Dalaman Lepas

Pihak IABCGH telah meneliti laporan audit yang lepas dan telah membuat penambahbaikan kepada dapatan audit dalaman bil. 2 tahun 2023 . Penemuan audit mendapatii bahawa kursus CPD Jabatan yang telah tamat tempoh sah. Iaitu telah melebihi 3 tahun. Modul kursus Pengurusan Sekolah (HEM), sijil telah tamat pada 2 Mac 2023, Kursus LCML , sijil telah tamat pada 11 Jun 2023, Kursus Kepimpinan Pusat Sumber Pendidikan, sijil telah tamat pada 11 Jun 2023, begitu juga dengan Kursus Pengurusan Kewangan Akaun Sekolah dan Kursus Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan, sijil telah tamat pada 11 Jun 2023. Tindakan pembetulan telah diambil melalui bengkel pemurnian kursus-kursus berkenaan . Pihak IAB Induk telah menghantar memo peringatan kepada semua penggubal modul untuk melaksanakan pemurniaan.

5.0 KOMEN LAIN

5.1 Komen Positif

Semua pihak di IABCGH menunjukkan komitmen untuk melaksanakan tindakan dan kesungguhan dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

5.2 Pemerhatian/Peluang untuk Penambahbaikan

- a) Berdasarkan PKOP 05, didapati klausula 7.1.3 Prasarana iaitu organisasi hendaklah menentukan menyediakan dan menyelenggarakan prasarana yang diperlukan untuk operasi prosesnya dan untuk mencapai keakuratan produk dan perkhidmatan (b & d) telah tidak dipatuhi.
- b) Prosedur PKOP 12, didapati klausula 4.4.1 Organisasi hendaklah menentukan proses yang diperlukan untuk Sistem Pengurusan Kualiti dan pemakaianya dalam seluruh organisasi, dan hendaklah:
 - h) menambah baik proses dan sistem pengurusan kualiti.

5.3 Penambahbaikan Sejak Audit Lepas (termasuk Tindakan Susulan terhadap Ketakakuran)

Pihak IAB Cawangan Genting Highlands telah memastikan semua pihak menggunakan borang kualiti terkini yang didapati daripada laman portal